

05/09/1997

Kempen ujian HIV untuk ibu hamil

Mohd Shah Abdullah

KEMENTERIAN Kesihatan melancarkan gerakan bagi memastikan ibu mengandung menjalani ujian HIV secara percuma di semua klinik kerajaan di seluruh negara, bagi memastikan ia tidak menjangkiti anak dalam kandungan.

Pengarah Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Abdul Aziz Mahmood, berkata pihaknya turut membekalkan ubat AZT (pencegahan HIV) percuma itu kepada ibu mengandung yang disahkan positif HIV.

Menurutnya, walaupun langkah itu dibuat secara sukarela, pihaknya berharap semua ibu mengandung memberi kerjasama penuh menyokong langkah pemeriksaan berkenaan demi kebaikan anak dalam rahim.

"Ubat itu diberi kepada ibu yang mengandung dari peringkat kandungan enam hingga sembilan bulan bagi mengelak jangkitan HIV.

"Kalau tiada bekalan ubat itu, peluang untuk terkena jangkitan HIV adalah 90 peratus. Sebenarnya ibu di kawasan luar bandar lebih terdedah kepada jangkitan ini," katanya kepada pemberita, di Kota Bharu semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri perasmian Seminar Cabaran Aids dan Dadah Menjelang Tahun 2000, anjuran Pertubuhan Bimbingan Pesakit Kelantan (Penawar), di Balai Islam, Lundang, dekat sini.

Majlis dirasmikan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. Hadir sama Dr Ismail Baba yang mewakili Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Dr Abdul Aziz berkata, Kelantan mencatat kadar jangkitan HIV di kalangan ibu mengandung lebih tinggi berbanding negeri lain, antaranya berpunca daripada kejahilan terhadap sindrom itu.

"Kebanyakan isteri tidak mengetahui pembabitan suami dalam aktiviti seks rambang," katanya.

Menurutnya, perangkaan menunjukkan 0.21 peratus isteri tidak mengetahui pasangannya terbabit dalam seks rambang, yang menyebabkan mereka terdedah kepada fenomena jangkitan Aids/HIV.

Beliau berkata, pemeriksaan percuma itu boleh dijalankan di klinik kerajaan sama ada di kawasan bandar, desa dan pedalaman.

Bagi setiap pemeriksaan awal kurang daripada 24 jam, ia membabitkan anggaran kos kira-kira RM10. Bagaimanapun, ujian peringkat kedua dan seterusnya adalah lebih mahal.

"Kementerian bersedia memberi iltizam sepenuhnya menjayakan program ini dan menanggung kos keseluruhan pemeriksaan ujian berkenaan," katanya.

Sementara itu, Dr Ismail yang membaca teks ucapan Marina, berkata gabungan antara agama dan pendidikan adalah senjata paling ampuh bagi menangani gejala Aids/HIV.

Menurutnya, wanita di negara ini perlu lebih serius, prihatin dan terbuka dalam menghadapi persoalan itu.

Marina berkata, Majlis Aids Malaysia mempunyai iltizam jitu untuk menangani gejala Aids hingga ke akar umbi, termasuk bekerjasama dengan 31 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menjalankan aktiviti pendidikan, kaunseling dan mewujudkan pusat persinggahan.

(END)